

21 NOV 2001
Agong-Khalil
STESEN TV DAN RADIO SWASTA HENTI PROGRAM HIBURAN

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Semua stesen penyiaran radio dan televisyen swasta akan menghentikan program berbentuk hiburan bagi menghormati suasana berkabung berikutan kemangkatan Yang di-Pertuan Agong Ke-11, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini.

Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob berkata mereka bersetuju menggantikan program-program itu dengan yang bercorak agama.

Katanya beliau meminta stesen televisyen kabel turut bekerjasama dalam menghormati suasana berkabung.

"Kita nak suasana muram dan suasana berkabung, sekurangnya-kurang hari ini dan esok dan semasa tempoh berkabung," katanya kepada pemberita di Angkasapuri selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat pengumuman kemangkatan itu menerusi RTM di Angkasapuri.

Khalil berkata setakat ini pemilik dan pengusaha stesen televisyen dan radio swasta telah menyatakan kesediaan mereka untuk bekerjasama.

Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah mangkat di Pusat Rawatan Gleneagles Intan di sini hari ini setelah gering selama dua bulan kerana masalah jantung.

Kerajaan mengisytiharkan tempoh berkabung selama tujuh hari mulai hari ini dengan bendera dikibarkan separuh tiang dan semua acara rasmi kerajaan hari ini dan esok dibatalkan.

-- BERNAMA
AT ZS MAI